KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

DOKUMEN STANDARD PRESTASI

PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 2

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

TAFSIRAN

- **Band** ialah satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu.

- **Standard** ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.

- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran.

- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan apa yang murid tahu dan boleh buat berdasarkan standard di mana kualiti boleh ditaksir dan dicapai.

- **Evidens**

  Murid : Pernyataan yang menerangkan tentang bagaimana murid melaksanakan apa yang dia tahu dan boleh buat berdasarkan deskriptor.

  Instrumen : Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugasan dalam bentuk produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain.

- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali.

KERANGKA STANDARD PRESTASI

BAND	STANDARD
1	Tahu
2	Tahu dan Faham
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali

TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
1	TAHU	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.

MATLAMAT KURIKULUM PENDIDIKAN MORAL

Matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Moral adalah membentuk insan berakhlak mulia, berintegriti dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

OBJEKTIF KURIKULUM PENDIDIKAN MORAL

Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Moral membolehkan murid untuk mencapai objektif berikut:

1. Memahami dan menghayati nilai-nilai universal.
2. Menghayati dan mengamalkan budi pekerti mulia.
3. Melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri dengan keluarga, sekolah, jiran, masyarakat dan negara.
4. Mengembangkan dan mengaplikasikan penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam membuat pertimbangan dan keputusan.

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat
2	Mengetahui dan memahami nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat
3	Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat
4	Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat dengan tertib
5	Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat dengan tertib dan terpuji
6	Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat dengan sempurna dan boleh dicontohi

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
1 **Tahu**	**B1** Mengetahui nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat	**B1D1** Mengetahui **nilai kasih sayang** seperti menyayangi ahli keluarga.	**B1D1E1** Boleh menyatakan cara menyayangi ahli keluarga.
		B1D2 Mengetahui **nilai keadilan** seperti mengamalkan sikap adil dalam keluarga.	**B1D2E1** Boleh menyatakan contoh keadilan dalam keluarga.
		B1D3 Mengetahui **nilai kejujuran** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga.	**B1D3E1** Boleh menyatakan perlakuan jujur dalam keluarga.
		B1D4 Mengetahui **nilai toleransi** seperti mengamalkan sikap toleransi sesama ahli keluarga.	**B1D4E1** Boleh menyatakan perlakuan bertoleransi sesama ahli keluarga.
		B1D5 Mengetahui **nilai kesederhanaan** seperti mengamalkan sikap kesederhanaan dalam keluarga.	**B1D5E1** Boleh menyatakan cara bersikap sederhana dalam keluarga.

		B1D6 Mengetahui **nilai keberanian** seperti mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah keluarga.	**B1D6E1** Boleh menyatakan cara mempertahankan maruah keluarga.
		B1D7 Mengetahui **nilai baik hati** seperti membantu keluarga kembangan.	**B1D7E1** Boleh menyatakan cara membantu keluarga kembangan.
		B1D8 Mengetahui **nilai berterima kasih** seperti mengamalkan sikap berterima kasih dalam keluarga.	**B1D8E1** Boleh menyenaraikan cara memberi penghargaan.
		B1D9 Mengetahui **nilai hemah tinggi** seperti menunjukkan adab dalam tutur kata dan tingkah laku sesama ahli keluarga.	**B1D9E1** Boleh menyatakan tutur kata yang berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga. **B1D9E2** Boleh menyatakan tingkahlaku yang berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga
		B1D10 Mengetahui **nilai kerajinan** seperti mengamalkan sikap rajin di rumah.	**B1D10E1** Boleh menyenaraikan perlakuan rajin dalam keluarga.
		B1D11 Mengetahui **nilai kepercayaan kepada tuhan** seperti mematuhi amalan beribadat dalam keluarga.	**B1D11E1** Boleh menyatakan amalan beribadat dalam keluarga.

		B1D12 Mengetahui **nilai hormat** seperti menghormati ahli keluarga. **B1D13** Mengetahui **nilai bertangggungjawab** seperti melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga. **B1D14** Mengetahui **nilai kerjasama** seperti melaksanakan tugas bersama-sama keluarga untuk kebaikan bersama.	**B1D12E1** Boleh menyatakan cara menghormati ahli keluarga. **B1D13E1** Boleh menyatakan contoh tanggungjawab dalam keluarga. **B1D14E1** Boleh menyenaraikan tugas yang boleh dilakukan bersama-sama keluarga.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
2 **Tahu dan Faham**	**B2** Mengetahui dan memahami nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat	**B2DI** Mengetahui dan memahami **nilai kasih sayang** seperti menyayangi ahli keluarga.	**B2D1E1** Boleh menyenaraikan kepentingan menyayangi ahli keluarga
		B2D2 Mengetahui dan memahami **nilai keadilan** seperti mengamalkan sikap adil dalam keluarga.	**B2D2E1** Boleh menceritakan kepentingan bersikap adil dalam keluarga.
		B2D3 Mengetahui dan memahami **nilai kejujuran** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga.	**B2D3E1** Boleh menceritakan kepentingan bersikap jujur dalam keluarga.
		B2D4 Mengetahui dan memahami **nilai toleransi** seperti mengamalkan sikap toleransi sesama ahli keluarga.	**B2D4E1** Boleh menceritakan kebaikan bersikap toleransi sesama ahli keluarga.
		B2D5 Mengetahui dan memahami **nilai kesederhanaan** seperti mengamalkan sikap kesederhanaan dalam keluarga.	**B2D5E1** Boleh menyatakan kepentingan bersikap sederhana dalam keluarga.

		B2D6 Mengetahui dan memahami **nilai keberanian** seperti mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah keluarga.	**B2D6E1** Boleh menyatakan kepentingan mempertahankan maruah keluarga
		B2D7 Mengetahui dan memahami **nilai baik hati** seperti membantu keluarga kembangan.	**B2D7E1** Boleh menyenaraikan kepentingan membantu keluarga kembangan.
		B2D8 Mengetahui dan memahami **nilai berterima kasih** seperti mengamalkan sikap berterima kasih dalam keluarga.	**B2D8E1** Boleh menceritakan cara memberi penghargaan dalam keluarga. **B2D8E2** Boleh menyenaraikan kepentingan memberi penghargaan dalam keluarga.
		B2D9 Mengetahui dan memahami **nilai hemah tinggi** seperti menunjukkan adab dalam tutur kata dan tingkah laku sesama ahli keluarga.	**B2D9E1** Boleh mengenal pasti tutur kata yang berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga. **B2D9E2** Boleh mengenal pasti tingkah laku yang berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga. **B2D9E3** Boleh menyatakan kepentingan tutur kata dan tingkah laku yang berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga.

		B2D10 Mengetahui dan memahami **nilai kerajinan** seperti mengamalkan sikap rajin di rumah.	**B2D10E1** Boleh menceritakan kepentingan bersikap rajin dalam keluarga.
		B2D11 Mengetahui dan memahami **nilai kepercayaan kepada tuhan** seperti mematuhi amalan beribadat dalam keluarga.	**B2D11E1** Boleh menyenaraikan cara menghormati amalan beribadat dalam keluarga. **B2D11E2** Boleh menyenaraikan kepentingan menghormati amalan beribadat dalam keluarga.
		B2D12 Mengetahui dan memahami **nilai hormat** seperti menghormati ahli keluarga.	**B2D12E1** Boleh menyenaraikan kepentingan saling menghormati sesama ahli keluarga.
		B2D13 Mengetahui dan memahami **nilai bertangggungjawab** seperti melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga.	**B2D13E1** Boleh menerangkan cara bertanggungjawab dalam keluarga. **B2D13E2** Boleh menyenaraikan kepentingan melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga.
		B2D14 Mengetahui dan memahami **nilai kerjasama** seperti melaksanakan tugas bersama-sama keluarga untuk kebaikan bersama.	**B2D14E1** Boleh menceritakan kebaikan bekerjasama dengan ahli keluarga.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
3 **Tahu, Faham dan Boleh Buat**	**B3** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat	**B3D1** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kasih sayang** seperti menyayangi ahli keluarga. **B3D2** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keadilan** seperti mengamalkan sikap adil dalam keluarga. **B3D3** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kejujuran** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga. **B3D4** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai toleransi** seperti mengamalkan sikap toleransi sesama ahli keluarga.	**B3D1E1** Boleh menghargai perasaan kasih sayang sesama ahli keluarga. **B3D2E1** Boleh menyatakan perasaan positif bersikap adil sesama ahli keluarga. **B3D3E1** Boleh menunjukkan sikap jujur dalam keluarga. **B3D4E1** Boleh menunjukkan perlakuan bertoleransi sesama ahli keluarga.

		B3D5 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kesederhanaan** seperti mengamalkan sikap kesederhanaan dalam keluarga.	**B3D5E1** Boleh menunjukkan sikap sederhana dalam keluarga.
		B3D6 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keberanian** seperti mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah keluarga.	**B3D6E1** Boleh menceritakan perasaan berupaya mempertahankan maruah keluarga.
		B3D7 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai baik hati** seperti membantu keluarga kembangan.	**B3D7E1** Boleh menunjukkan sikap membantu dalam keluarga kembangan.
		B3D8 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai berterima kasih** seperti mengamalkan sikap berterima kasih dalam keluarga.	**B3D8E1** Boleh menunjukkan perlakuan memberi penghargaan dalam keluarga.
		B3D9 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hemah tinggi** seperti menunjukkan adab dalam tutur kata dan tingkah laku sesama ahli keluarga.	**B3D9E1** Boleh menunjukkan cara berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga

		B3D10 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerajinan** seperti mengamalkan sikap rajin di rumah.	**B3D10E1** Boleh menunjukkan sikap rajin dalam keluarga.
		B3D11 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kepercayaan kepada tuhan** seperti mematuhi amalan beribadat dalam keluarga.	**B3D11E1** Boleh melaksanakan amalan beribadat bersama keluarga.
		B3D12 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hormat** seperti menghormati ahli keluarga.	**B3D12E1** Boleh menunjukkan perlakuan saling menghormati ahli keluarga
		B3D13 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai bertangggungjawab** seperti melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga.	**B3D13E1** Boleh menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam keluarga
		B3D14 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerjasama** seperti melaksanakan tugas bersama-sama keluarga untuk kebaikan bersama.	**B3D14E1** Boleh menjalankan tugas bersama-sama ahli keluarga.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
4 **Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab**	**B4** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat dengan tertib	**B4D1** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kasih sayang** seperti menyayangi ahli keluarga dengan tertib.	**B4D1E1** Boleh menunjukkan perlakuan kasih sayang sesama ahli keluarga.
		B4D2 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keadilan** seperti mengamalkan sikap adil dalam keluarga dengan tertib.	**B4D2E1** Boleh menunjukkan sikap adil sesama ahli keluarga.
		B4D3 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kejujuran** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga dengan tertib.	**B4D3E1** Boleh menyedari kesan bersikap jujur dalam keluarga.
		B4D4 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai toleransi** seperti mengamalkan sikap toleransi sesama ahli keluarga dengan tertib.	**B4D4E1** Boleh bertoleransi dan menghargai perlakuan bertoleransi sesama ahli keluarga.

		B4D5 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kesederhanaan** seperti mengamalkan sikap kesederhanaan dalam keluarga dengan tertib.	**B4D5E1** Boleh menyedari kepentingan sikap sederhana dalam keluarga.
		B4D6 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keberanian** seperti mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah keluarga dengan tertib.	**B4D6E1** Boleh menunjukkan sikap berani dalam mempertahankan maruah keluarga dengan cara yang beradab.
		B4D7 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai baik hati** seperti membantu keluarga kembangan dengan tertib.	**B4D7E1** Boleh menceritakan perasaan setelah membantu keluarga kembangan dengan beradab.
		B4D8 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai berterima kasih** seperti mengamalkan sikap berterima kasih dalam keluarga dengan tertib.	**B4D8E1** Boleh menunjukkan perlakuan memberi penghargaan dalam keluarga dengan beradab.

		B4D9 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hemah tinggi** seperti menunjukkan adab dalam tutur kata dan tingkah laku sesama ahli keluarga dengan tertib.	**B4D9E1** Boleh menyatakan perasaan apabila berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga.
		B4D10 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerajinan** seperti mengamalkan sikap rajin di rumah dengan tertib.	**B4D10E1** Boleh menceritakan perasaan apabila bersikap rajin dalam keluarga.
		B4D11 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kepercayaan kepada tuhan** seperti mematuhi amalan beribadat dalam keluarga dengan tertib.	**B4D11E1** Boleh melaksanakan amalan beribadat bersama keluarga dengan beradab.
		B4D12 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hormat** seperti menghormati ahli keluarga dengan tertib.	**B4D12E1** Boleh menyatakan perasaan apabila saling menghormati sesama ahli keluarga dengan beradab.

		B4D13 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai bertangggungjawab** seperti melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga dengan tertib. **B4D14** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerjasama** seperti melaksanakan tugas bersama-sama keluarga untuk kebaikan bersama dengan tertib.	**B4D13E1** Boleh menceritakan perasaan semasa melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga secara beradab. **B4D14E1** Boleh menceritakan perasaan apabila melaksanakan tugas bersama-sama keluarga.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
5 **Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji**	**B5** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat dengan tertib dan terpuji	**B5D1** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kasih sayang** seperti menyayangi ahli keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D1E1** Boleh memberi keutamaan kasih sayang kepada ahli keluarga berbanding keinginan diri.
		B5D2 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keadilan** seperti mengamalkan sikap adil dalam keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D2E1** Boleh mengamalkan sikap adil sesama ahli keluarga dengan terpuji.
		B5D3 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kejujuran** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga dengan tertib dan terpuji	**B5D3E1** Boleh mengamalkan sikap jujur dalam keluarga dengan terpuji.
		B5D4 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai toleransi** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D4E1** Boleh mengamalkan dan menghargai perlakuan bertoleransi sesama ahli keluarga dengan terpuji.

		B5D5 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kesederhanaan** seperti mengamalkan sikap kesederhanaan dalam keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D5E1** Boleh mengamalkan sikap sederhana dalam keluarga dengan terpuji.
		B5D6 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keberanian** seperti mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D6E1** Boleh mengamalkan sikap berani dalam mempertahankan maruah keluarga dengan terpuji.
		B5D7 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai baik hati** seperti membantu keluarga kembangan dengan dengan tertib dan terpuji.	**B5D7E1** Boleh mengamalkan sikap membantu dalam keluarga kembangan dengan terpuji.
		B5D8 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai berterima kasih** seperti mengamalkan sikap berterima kasih dalam keluarga dengan tertib dan terpuji	**B5D8E1** Boleh mengamalkan perlakuan memberi penghargaan dalam keluarga dengan ikhlas dan terpuji.

		B5D9 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hemah tinggi** seperti menunjukkan adab dalam tutur kata dan tingkah laku sesama ahli keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D9E1** Boleh menunjukkan cara berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga dengan terpuji.
		B5D10 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerajinan** seperti mengamalkan sikap rajin di rumah dengan tertib dan terpuji.	**B5D10E1** Boleh mengamalkan sikap rajin dalam keluarga dengan terpuji.
		B5D11 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kepercayaan kepada tuhan** seperti mematuhi amalan beribadat dalam keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D11E1** Boleh mengamalkan amalan beribadat dalam keluarga dengan terpuji.
		B5D12 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hormat** seperti menghormati ahli keluarga dengan tertib dan terpuji.	**B5D12E1** Boleh mengamalkan perlakuan saling menghormati sesama ahli keluarga dengan terpuji.

		B5D13 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai bertangggungjawab** seperti melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga dengan tertib dan terpuji. **B5D14** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerjasama** seperti melaksanakan tugas bersama-sama keluarga untuk kebaikan bersama dengan tertib dan terpuji	**B5D13E1** Boleh mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam keluarga dengan terpuji. **B5D14E1** Boleh mengamalkan sikap bekerjasama sesama ahli keluarga dengan terpuji.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
6 **Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali**	**B6** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal, nilai-nilai berkaitan dengan budi pekerti mulia dan nilai-nilai yang berkaitan dengan peraturan masyarakat dengan sempurna dan boleh dicontohi	**B6D1** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kasih sayang** seperti menyayangi ahli keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D1E1** Sentiasa menyayangi dan mengasihi ahli keluarga dalam pelbagai situasi.
		B6D2 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keadilan** seperti mengamalkan sikap adil dalam keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D2E1** Sentiasa mengamalkan sikap adil sesama ahli keluarga dalam perlakuan seharian dan boleh dicontohi.
		B6D3 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kejujuran** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D3E1** Sentiasa mengamalkan sikap jujur dalam keluarga dan boleh dicontohi.
		B6D4 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai toleransi** seperti mengamalkan sikap jujur dalam keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D4E1** Sentiasa menunjukkan perlakuan bertoleransi sesama ahli keluarga dalam perlakuan seharian dan boleh dicontohi.

		B6D5 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kesederhanaan** seperti mengamalkan sikap kesederhanaan dalam keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D5E1** Sentiasa mengamalkan sikap sederhana dalam keluarga dan boleh dicontohi.
		B6D6 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai keberanian** seperti mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D6E1** Sentiasa mengamalkan sikap berani dalam mempertahankan maruah keluarga dan boleh dicontohi.
		B6D7 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai baik hati** seperti membantu keluarga kembangan dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D7E1** Sentiasa mengamalkan sikap saling membantu dalam keluarga kembangan dan boleh dicontohi.
		B6D8 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai berterima kasih** seperti mengamalkan sikap berterima kasih dalam keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D8E1** Sentiasa memberi penghargaan kepada ahli keluarga dan boleh dicontohi.

		B6D9 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hemah tinggi** seperti menunjukkan adab dalam tutur kata dan tingkah laku sesama ahli keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D9E1** Sentiasa mengamalkan tutur kata dan tingkah laku berbudi pekerti mulia sesama ahli keluarga dalam perlakuan seharian dan boleh dicontohi.
		B6D10 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerajinan** seperti mengamalkan sikap rajin di rumah dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D10E1** Sentiasa melaksanakan tugas dengan rajin dalam keluarga dan boleh dicontohi.
		B6D11 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kepercayaan kepada tuhan** seperti mematuhi amalan beribadat dalam keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D11E1** Sentiasa mengamalkan amalan beribadat bersama keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.
		B6D12 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai hormat** seperti menghormati ahli keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D12E1** Sentiasa mengamalkan perlakuan saling menghormati sesama ahli keluarga dalam perlakuan seharian dan boleh dicontohi.

		B6D13 Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai bertangggungjawab** seperti melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga dengan sempurna dan boleh dicontohi. **B6D14** Mengetahui, menghayati dan mengamalkan **nilai kerjasama** seperti melaksanakan tugas bersama-sama keluarga untuk kebaikan bersama dengan sempurna dan boleh dicontohi.	**B6D13E1** Sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam keluarga dan boleh dicontohi. **B6D14E1** Sentiasa mengamalkan sikap bekerjasama sesama ahli keluarga dan boleh dicontohi.